



*Kesepakatan dan Kesepaduan
Semua Pihak Terlibat Telah Dapat
Menjayakan Proses Pengagihan Kurma
Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah Diagihkan Kepada
Seluruh Umat Islam di Negara Brunei Darussalam*



DASAR PENUBUHAN

YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

**Menjadi Wadah Amal Jariah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
dan Ahli Keluarga Baginda.**

**Sebagai Tanda Pemedulian dan Kasih
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
kepada rakyat Baginda yang sentiasa taat setia
kepada Baginda dan Kerajaan Baginda.**

**Menjadi Lambang Pembentukan dan Perpaduan Masyarakat
dan Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur serta
keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan
kesesuaian yang diredai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.**

“

... Semoga tahun baru ini akan lebih mendorong kita untuk sama-sama menggalas amanah dengan penuh dedikasi dan komitmen demi mencapai perubahan lebih bermakna bagi diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Untuk itu, mengekalkan perpaduan adalah penting, kerana perpaduan merupakan kunci pembangunan, dimana setiap lapisan masyarakat jika kekal bersatu, hidup harmoni, saling hormat menghormati dan bekerjasama, maka segala cabaran akan dapat ditangani dengan baik.’

Ditambah lagi dengan pegangan ugama yang kuat, akan memastikan Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang aman, makmur dan kekal merdeka lagi berdaulat ...

”

PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN

HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH

IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,

SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA MENYAMBUT AWAL TAHUN MASIHI 2025



KEBAWAHA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

“ ... Marilah kita marafakkan kesyukuran, kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, Alhamdulillah Paduka Ayahanda terus dapat melaksanakan kurnia peribadi Baginda pada tahun ini bagi membolehkan semua lapisan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam berpeluang menikmati buah kurma kurnia peribadi Paduka Ayahanda sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadhan yang tidak lama lagi menjelang.

Semua ini setentunya tidak akan dapat terlaksana tanpa adanya usaha gigih dan bersepadu dari setiap anggota masyarakat yang terlibat. Malah dengan semangat kerjasama dan tolong-menolong sebagai satu pasukan Insya Allah, Saya percaya semua cabaran akan dapat diatasi kearah melaksanakan hasrat murni Paduka Ayahanda ini.

Bersandar kepada itu, pihak pengurusan Yayasan Paduka Ayahanda hendaklah memastikan semua jentera yang terlibat memainkan peranan masing-masing kearah memastikan tidak ada seorang pun tercicir dari menerima kurma peribadi Paduka Ayahanda di negara ini. Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan itu dapat ditanai dengan sebaiknya ... ”

PETIKAN SABDA

DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
PENGERUSI JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

SEMASA MAJLIS PELANCARAN PENGAGIHAN KURMA KURNIA PERIBADI KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
SEMPENA BULAN RAMADHAN 1446/2025 PADA 12 SYAABAN 1446 BERSAMAAN 11 FEBRUARI 2025



DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
PENGGERUSI JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Jemaah Tadbir

(13 MAC 2023 – 06 JUN 2026)



Pengerusi

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Timbalan Pengerusi 1

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris
bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar
Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi 2

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Ahli-Ahli

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin
bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II

Lembaga Pengarah

(13 Mac 2023 – 06 Jun 2026)

Pengerusi

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II

Timbalan Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar
Menteri Kesihatan

Ahli-Ahli

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh
Menteri Pendidikan

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib
(Bermula 7 Mei 2024)
Peguan Negara

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos
Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
*Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya Shahbandar
Dato Seri Paduka Haji Md Salleh (Bermula 7 Mei 2024)
*Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa “Sultan’s Scholar” Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar
Menteri Kesihatan

Timbalan Pengerusi

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh
Menteri Pendidikan

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos
Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan

Urus Setia

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

Lembaga Tadbir Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh
Menteri Pendidikan

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
*Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yang Mulia Pengiran Datin Paduka Hajah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela
Pengiran Muda Abdul Kahar**

Yang Mulia Dayang Hajah Suciyati binti Haji Sulaiman
Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Pengiran Hira bin Pengiran Haji Mohd Omar
Timbalan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Setiausaha Bersama

Pengetua Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengetua Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Jawatankuasa Pelaburan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi)

Ahli-Ahli

Yang Mulia Awang Haji Sofian bin Mohammad Jani
Pemangku Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Mozart bin Haji Ibrahim
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Bursa Brunei Darussalam Sendirian Berhad

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

Urus Setia selaku Setiausaha

Yang Mulia Dayang Noor Zarina binti Haji Mohamed Salleh
Pegawai Pelaburan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin
Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Maswadi bin Haji Mohsin
Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan

Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji Matassan
Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari
Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
*Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

Yang Mulia Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit
*Pemangku Pengarah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal,
Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Sekretariat

Yang Mulia Awang Iswandy bin Ahmad
*Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Pegawai-Pegawai di Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial,
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

Jawatankuasa Pandu Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos
Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri

Ahli-Ahli

Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohamad
Setiausaha Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari
Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
*Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Peneraju

Yang Mulia Awang Haji Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad,
Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Awang Iswandy bin Ahmad
*Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

Yang Mulia Mejar (B) Awang Sopian bin Haji Mohammad Yassin
Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Projek Khas) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dayang Siti Afshah binti Abu Bakar
Pegawai Kewangan Kanan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Awang Fazlan bin Haji Othman
Pengurus Umum, Wadah Amal Sendirian Berhad

Urus Setia

Yang Mulia Pengiran Hajah Asiah binti Pengiran Haji Damit
*Pegawai Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
(Bahagian Pengurusan Data dan Sukarelawan, Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)*

Yang Mulia Awang Muhammad Hibatul Hakimi bin Haji Suhaili
*Pegawai Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
(Bahagian Pengurusan Perumahan Kampung Bolkiah, Perkhidmatan Projek Khas)*

Jawatankuasa Audit Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Timbalan Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dayang Hajah Latifah binti Haji Mahmud
Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Azmilen bin Haji Ramlee
Pemangku Ketua Jabatan Audit Dalaman, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Urus Setia

Yang Mulia Dr. Awang Muhammad Amirruddin bin Haji Abdullah
Juruaudit Dalaman Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Jawatankuasa Belanjawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Ahli-Ahli

Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad
Setiausaha Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dayang Hajah Latifah binti Haji Mahmud
Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Dayangku Sri Rohayani binti Pengiran Matarsat
Pemangku Pengarah Belanjawan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Urus Setia

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Awang Haji Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad,
Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dayang Siti Afshah binti Abu Bakar
Pegawai Kewangan Kanan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Setiausaha

Yang Mulia Ampuan Haji Saiful Rezal bin Ampuan Dato Paduka Haji Sabtu
Pegawai Kewangan (Belanjawan) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Lembaga Tadbir Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Yang Mulia Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani
Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Yang Mulia Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md Salleh
Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Dayang Salinah binti Haji Mohd Salleh
Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dr. Haji Mohammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad
Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Zuffri bin Haji Abdul Sani
*Pengarah Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

Yang Mulia Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii
APEC Business Advisory Council (ABAC) Brunei Chair and Executive Director of LVK Group of Companies

Setiausaha

Yang Mulia Mejar (B) Awang Sopian bin Haji Mohammad Yassin
*Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Projek Khas)
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

Urus Setia

**Yang Mulia Pegawai-Pegawai di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam,
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

Lembaga Pengarah Wadah Amal Sendirian Berhad

Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

Ahli-Ahli

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Dayangku Hajah Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpuddin
Pengurus Pelaburan Darussalam Assets Sendirian Berhad

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Setiausaha Korporat

Yang Mulia Dayang Noor Zarina binti Haji Mohamed Salleh
Pegawai Pelaburan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kandungan



20 Berita Perdana

Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi

24 Berita Utama

Majlis Kesyukuran Sempena Hari Puja Usia
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Yang Ke-51 Tahun

Majlis Khatam Al-Quran Sempena Bulan Ramadan

Majlis Tahlil Di Kubah Makan Diraja Sempena Bulan Ramadan

32 Perutusan Tahniah Puja Usia

34 Rencana

Kesepakatan dan Kesepaduan Semua Pihak Terlibat Telah
Dapat Menjayakan Proses Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Diagihkan Kepada
Seluruh Umat Islam di Negara Brunei Darussalam Sempena
Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi

40 Ihsan

Menyantuni 150 Keluarga Yang Memerlukan di Seluruh Negara
Melalui Program Ihsan Ramadan

Mengimarahkan Masjid Sepanjang Bulan Ramadan

Pengagihan Kupon bagi Bantuan Keperluan Persekolahan
Tahunan bagi Sesi Persekolah Tahun 2025

Sokongan Terhadap Program Keilmuan dan Kemasyarakatan

48 Berita

Warga Kerja Yayasan Sultan Haji Hasanah Bolkiah
Serta Upacara Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-41

Sesi Perjumpaan dan Sumbang Saran Persatuan
Alumni Sultan's Scholar

Aktiviti Promosi dan Jualan Usahawan Bakarih
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Sampul Duit Raya Aidilfitri Rekaan Eksklusif
Golongan Istimewa

56 Kegiatan Sukarelawan

58 Kegiatan PPKI-YSHHB

Catatan Lawatan Ke Galeri Pusat Pengajian Kesenian
dan Kaligrafi Islam

62 DANA

DANA Harga Sokongan dan Sumbangan Ikhlas
Para Dermawan

66 Aktiviti Sekolah

Ilmu Keagamaan Memupuk Generasi Muda

Pertandingan Catur Sempena Hari Kebangsaan

Program Kongsi Rezeki 2025

70 PROMO

Wadah

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri
Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof

TIMBALAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH

Yang Berhormat Dato Setia Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

PEMANGKU PENGARAH URUSAN

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak

PENOLONG PENGARAH URUSAN

Yang Mulia Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad
(Perkhidmatan Korporat)

Yang Mulia Mejar (B) Awang Sopian bin Haji Mohammad Yassin
(Perkhidmatan Projek Khas)

Yang Mulia Awang Iswandy bin Ahmad
(Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)

KETUA EDITOR

Yang Mulia Dayangku Hajah Azami binti Pengiran Haji Ahmad

EDITOR

Yang Mulia Awang Kasyfil Aziz bin Haji Jumat
Yang Mulia Pengiran Siti Norkarimah binti Pengiran Anak Haji Hashim
Yang Mulia Awang Isaamuddin bin Mahsofidin
Yang Mulia Pengiran Shah Rizal bin Pengiran Haji Mohd Said

PENERBIT

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

ATUR HURUF DAN REKA BENTUK

Yang Mulia Dayang Nur Amalina binti Suhardy

PENCETAK

Print Plus Sdn Bhd

yshhb.org.bn

📍 Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

📷 [yshhb_official](#)

Majalah ini mengandungi ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith-hadith
Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam.
Harap maklum.

Tahun Baru 2025

Disambut dengan Semangat dan Tekad yang Tinggi

Syukur kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, kita telah melangkah ke tahun baharu Masihi 2025 dalam keadaan negara menikmati keamanan dan kesejahteraan.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat setia lagi jujur ke akhir zaman.

Di ketibaan tahun baharu ini bersama kita berdoa semoga tahun ini akan memberikan kita peluang yang luas dan terbuka untuk terus mempertingkatkan usaha ke arah pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat dan negara tercinta, Negara Brunei Darussalam.

Saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada seluruh warga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di kesemua peringkat, atas komitmen dan dedikasi yang telah diberikan sepanjang tahun 2024. Beberapa pencapaian yang membanggakan telah dicatatkan sepanjang tahun lalu, antaranya ialah pengiktirafan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai penerima **Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-7 Tahun 2024 (The 7th ASEAN Inclusive Business Award)** sempena berlangsungnya Forum Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-7 di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao. Penganugerahan ini adalah selaras dengan salah satu matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah iaitu Mendukung Pencapaian Taraf Sara Diri dengan membantu meningkatkan tahap sara diri golongan yang memerlukan melalui program keusahawanan yang inklusif dan berkesan.

Satu lagi pencapaian telah berjaya dicatatkan ialah penganjuran festival kaligrafi Islam antarabangsa iaitu **Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024 (Brunei Darussalam International Islamic Calligraphy Festival 2024 - BDIICF 2024)** yangmana penganjuran festival ilmiah ini adalah merupakan satu pendekatan yang dapat memberikan sinergi ke arah mencapai Matlamat Pertama Wawasan Brunei 2035 iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya melalui pengembangan ilmu seni Islam khususnya penulisan kaligrafi Islam atau khat. Festival ini jua telah membuka peluang kerjasama serta mengukuhkan hubungan antara negara-negara serantau dalam memperkayakan warisan budaya, khasnya seni kaligrafi Islam.

Marilah kita bersama bermuhasabah mengambil iktibar daripada segala pencapaian dan juga kelemahan yang kita lalui sepanjang tahun 2024 untuk lebih bersemangat menelusuri tahun baharu 2025 dengan penuh iltizam dan tekad yang tinggi untuk terus mempertingkatkan lagi pencapaian di samping memberikan penekanan untuk memperbaiki apa jua kelemahan dan kekurangan.

Tahun 2025 ini juga menandakan berakhirnya rancangan Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025. Tahun ini adalah masa yang tepat untuk membuat penilaian dan kajian semula terhadap keberkesanan pelan strategik tersebut, melihat pencapaian yang telah dibuat dan seterusnya membuat dokumentasi data dan maklumat komprehensif serta mengumpul semua maklum balas daripada para pemegang taruh untuk mula merancang Pelan Strategik yang baharu.

Dalam kesempatan ini, kita bersama menzahirkan rasa syukur dan bangga kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-41 yang telah disambut pada 23 Februari 2025 dengan tema **"Bersatu Mencapai Cita Negara"**. Semoga Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini sentiasa dikurniakan Allah Subhanahu wa Ta'ala nikmat perlindungan dan pemeliharaan kekal menjadi sebuah negara yang makmur merdeka lagi berdaulat, 'Baladun Tayyibatun Warabbun Ghafur'.

Seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa berdoa kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja yang adil dan berdaulat yang dikasihi rakyat akan sentiasa berada dalam kandungan sihat wal'afiat, bahagia, dilanjutkan usia, dan terus kekal qarar memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam dengan penuh kedaulatan, kemakmuran, kesejahteraan dengan limpah rahmat, taufiq dan hidayah Allah Subhanahu wa Ta'ala. Begitu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan Ahli-ahli Kerabat Diraja.

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA

**Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri
Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II
selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi**





Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi. Majlis tersebut diadakan pada 12 Syaaban 1446H bersamaan 11 Februari 2025, di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia menyempurnakan Majlis tersebut mencerminkan keprihatinan yang mendalam dan berterusan ke atas usaha Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam menyempurnakan hajat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengurniakan amal sedekah secara khusus, iaitu kurnia peribadi Baginda berupa buah kurma sebagai juadah berbuka puasa sempena bulan Ramadan pada setiap tahun.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik telah berkenan mengurniakan sabda merakamkan penghargaan atas usaha gigih dan bersepadu daripada pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan semua pihak yang terlibat dalam mengurus dan menggalas amanah mengagihkan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam sebagai juadah berbuka puasa. Duli Yang Teramat Mulia seterusnya menzahirkan rasa kagum atas semangat kerjasama dan tolong-menolong sebagai satu pasukan daripada semua pihak yang berkepentingan dalam mengendalikan pengagihan kurnia buah kurma selama ini telah dapat meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pengagihan.







Di Majlis Pelancaran tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik telah menyempurnakan pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam melalui wakil-wakil pasukan beruniform, orang awam, penjawat awam (sektor Kerajaan) dan pekerja swasta. Pasukan beruniform diwakili oleh Pemerintah-Pemerintah Tentera serta Komandan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pengarah-Pengarah Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei. Orang awam diwakili oleh Pegawai-Pegawai Daerah dari keempat-empat Daerah. Para penjawat awam dan pekerja di sebahagian sektor swasta diwakili oleh Pengarah-Pengarah Jabatan Pengurusan, Pentadbiran dan Tenaga Manusia.

Majlis Pelancaran tersebut menandakan bermulanya pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Bagi proses pengagihan seterusnya, Pemerintah-Pemerintah dan Komandan-Komandan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta Pengarah-Pengarah Jabatan dan Pegawai-Pegawai Pemerintah Pasukan Polis Diraja Brunei akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah jabatan dan unit masing-masing. Pegawai-Pegawai Daerah akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi kepada semua Penghulu-Penghulu Mukim (yang memangku jawatan Ketua-Ketua Kampung) dan Ketua-Ketua Kampung dan seterusnya akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada anak-anak buah kampung di bawah jagaan mereka masing-masing. Begitu juga bagi penjawat awam dan pekerja di sebahagian sektor swasta, pengagihan adalah melalui Kementerian, Jabatan dan syarikat masing-masing.

Sejumlah 159.5 ton metrik buah kurma jenis 'Safawy' akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam yang menetap di negara ini tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan di mana setiap seorang akan menerima satu kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram.

Pengurniaan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei ini mencerminkan sikap pemedulian dan kasih Baginda. Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini khususnya mereka yang beragama Islam menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei atas kurnia Baginda ini.

Majlis Kesyukuran Sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Yang Ke-51 Tahun



Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang Ke-51 Tahun pada 20 Syaaban 1446 bersamaan 19 Februari 2025 di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berangkat ke Majlis tersebut.

Majlis ini merupakan acara tahunan dalam kalendar kegiatan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA).

DANA adalah merupakan pesambah yang berkekalan dalam bentuk yaysan amal yang disembahkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersempena dan pada memperingati Pemasyhuran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 17 Rabiulakhir 1419 bersamaan 10 Ogos 1998. DANA telah ditubuhkan pada 4 Jamadilawal 1429 bersamaan 25 Ogos 1998. DANA merupakan badan amal yang khusus memberikan bantuan dan pemeduliaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Aturcara Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Sin dan bertahlil beramai-ramai dan seterusnya bacaan Doa Kesyukuran Sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang Ke-51 Tahun. Aturcara Majlis diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.

Majlis dihadiri oleh Ahli-ahli Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, para jemputan khas termasuk wakil para penyumbang tetap DANA serta pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Majlis Khatam Al-Quran Sempena Bulan Ramadan

Antara peristiwa agung dalam sejarah umat Islam di bulan Ramadan ialah turunnya kitab suci Al-Quran atau juga disebut Nuzul Al-Quran yang disambut pada setiap 17 Ramadan. Tadarus dan Khatam Al-Quran adalah antara amalan yang istimewa sepanjang bulan Ramadan.

Mengambil keberkatan bulan Ramadan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sebagai salah satu aktiviti keagamaan yang diadakan pada setiap bulan Ramadan. Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi telah diadakan pada 12 Ramadan 1446 bersamaan 13 Mac 2025 di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis tersebut.

Aturcara Majlis dimulakan dengan bacaan takhtim Al-Quran yang disertai oleh seramai 30 orang pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan dipimpin oleh Yang Mulia Ustaz Muhammad Syazwanshah bin Razali, Guru Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Majlis diteruskan dengan Doa Khatam dan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid. Majlis selanjutnya diteruskan dengan majlis berbuka puasa dan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; para jemputan, pegawai-pegawai dan kakitangan serta guru-guru Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.







Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berbuka puasa bersama-sama para jemputan.



Majlis Tahlil Di Kubah Makam Diraja Sempena Bulan Ramadan





Pada setiap bulan Ramadan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menganjurkan Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Pada bulan Ramadan tahun 1446 Hijrah, Majlis tersebut telah diadakan pada 5 Ramadan 1446 bersamaan 6 Mac 2025.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Tahlil tersebut.

Bacaan Surah Yaa Sin dan tahlil diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Majlis tersebut dihadiri oleh hampir 200 orang yang terdiri daripada Ahli-ahli Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ahli-ahli Alumni Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; serta penduduk Kampong Bolkiah 'A' dan Kampong Bolkiah 'B'.

Dirgahayu



Merafa' Sembah Kesyukuran Dan Tahniah Sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim dan dengan perasaan tulus ikhlas,
Pengerusi dan Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta segenap
lapisan Pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah menjunjung beribu ampun
merafa'kan sembah kesyukuran dan setinggi-tinggi tahniah Kehadapan Majlis
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
sempena Hari Puja Usia yang ke Lima Puluh Satu Tahun
pada 18 Syaaban 1446 bersamaan 17 Februari 2025.

Semoga Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sentiasa berada dalam
keadaan sihat wal'afiat dan dilanjutkan usia serta mendapat limpah rahmat, taufik dan
hidayah daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala,
Aamiin, Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

دُعَاءُ فَوْجِ أَوْسِيَا

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ يَا عَلِيُّ يَا عَظِيمُ يَا عَلِيمُ يَا خَيْرُ،
أَكْرِمْ دُولِي يَغْتَرَأْتِ مَلِيًّا قَادَكَ سَرِي قُغِيرَانِ مودا مهكوت
قُغِيرَانِ مودا حاج المهتدى بالله،
وَأَنْزَحْمُهُ بِالصَّحَّةِ وَالْعَافِيَةِ وَبَارِكْ لَهُ بِالنَّشَاطِ لِمُسَا عَدَةِ وَالِدِهِ
كباوه دُولِي يَغْمِهَا مَلِيًّا قَادَكَ سَرِي بكندا
سلطان حاج حسن البلقية معز الدين والدولة
فِي إِنْهَاضِ الْبِلَادِ وَالْأُمَمَةِ، وَأَجْعَلِ الْأَغْوَامَ الْمُقْبِلَةَ
مِنْ أَعْمَارِهِ دَائِرَةً عَلَيْهَا بِالثَّبَاتِ عَلَى دِينِكَ،
وَالْإِقْبَالَ عَلَى خِدْمَتِكَ، وَاحْفَظْهُ مِنْ شَرِّ الْأَشْرَارِ طَوَالَ عُمرِهِ
بِحِلَالِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ



"Ya Allah! Tuhan yang mempunyai ketinggian dan kebesaran yang tiada bandingnya,
Yang Maha Mengetahui Lagi Yang Maha Berkebolehan,
kami pohonkan Ya Allah supaya Tuhan kami kurniakan kepada
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
kemuliaan dan rahmat, sihat serta afiat dan berkatilah Duli Yang Teramat Mulia itu
pada membantu ayahandanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
dengan kecergasan dalam membangunkan negara dan umat.
Lanjutkanlah usia Duli Yang Teramat Mulia dengan menjadikan tahun-tahun
mendatang usianya tetap lagi mantap pada landasan ajaranMu Ya Allah, dan peliharalah
Duli Yang Teramat Mulia itu sepanjang hayatnya daripada angkara orang-orang jahat.
Semuanya kami pohonkan dengan berkat kebesaran
dan kemuliaanMu jua Ya Allah".

Kesepakatan dan Kesepaduan Semua Pihak Terlibat Telah Dapat Menjayakan Proses Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Diagihkan Kepada Seluruh Umat Islam di Negara Brunei Darussalam Sempena Bulan Ramadan 1446 Hjirah / 2025 Masihi

Tahun ini merupakan tahun Ke-30 Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah diamanahkan mengendalikan pengagihan kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di seluruh negara. Sepanjang tempoh tersebut Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mendapat kerjasama dan sokongan padu yang berterusan daripada semua pihak yang terlibat yang saling menunjukkan sikap kesepakatan dan kesepaduan dalam membantu melancarkan urusan pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



KADAR PEMBAHAGIAN

Setiap umat Islam yang menetap di negara ini tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan akan menerima kurnia buah kurma iaitu satu kotak kecil yang mengandungi 300 gram kurma 'Safawy' untuk setiap seorang.

PEMBEKALAN BUAH KURMA

Bagi bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi, sejumlah 159.5 ton metrik buah kurma jenis 'Safawy' dibekal dari Syarikat Al Mohamadia Dates, iaitu syarikat pembekal di Riyadh, Kerajaan Arab Saudi.

Proses penghantaran kurma adalah menggunakan kapal laut dengan menggunakan jalur Pelabuhan Dammam, Arab Saudi berikutan krisis berlarutan hingga kini di persekitaran Laut Merah. Penghantaran kurma dibuat dengan dua kali pelayaran yang membawa keseluruhan 11 unit kontena berhawa dingin.

PELANCARAN PENGAGIHAN BUAH KURMA

Pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi kepada seluruh umat Islam di seluruh negara bermula dengan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung pada 12 Syaaban 1446 bersamaan 11 Februari 2025.

Setelah sempurna Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, pengagihan buah kurma kurnia peribadi kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam mula dilaksanakan mengikut kategori penduduk.



TATACARA PENGAGIHAN BUAH KURMA

Pengagihan buah kurma kepada setiap umat Islam di seluruh negara dilaksanakan mengikut kategori penduduk bagi memastikan pengendalian pengagihan berjalan dengan teratur dan lancar, iaitu:

A



Orang ramai termasuk warga asing – melalui ketua-ketua kampung masing-masing

B



Penjawat awam – melalui kementerian dan jabatan masing-masing

C



Pegawai dan kakitangan syarikat swasta yang berdaftar – melalui syarikat masing-masing

PENGHARGAAN ATAS KERJASAMA DAN SOKONGAN PADU SEMUA PIHAK

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah merakamkan penghargaan atas sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak yang terdiri daripada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pegawai-pegawai di setiap cawangannya; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dan Pegawai-pegawai di setiap formasinya; Pegawai-pegawai Penyelaras di setiap Kementerian-kementerian; Pegawai-pegawai Daerah dan Pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan-jabatan Daerah; Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan wakil-wakil Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung; para sukarelawan; Pegawai-pegawai Penyelaras di sebahagian Syarikat-syarikat Swasta; Pengawal dan Pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Pengarah dan Pegawai-pegawai Jabatan Radio dan Televisyen Brunei; Pengarah dan Pegawai-pegawai Jabatan Penerangan; dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa bagi Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam dalam menjayakan pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Setentunya pelaksanaan dengan pendekatan senegara 'Whole of Nation' yang mantap telah membantu melancarkan proses pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebanyak 159.5 ton metrik dalam tempoh kurang dua minggu dan selamat diterima oleh seluruh umat Islam di negara ini sebelum menjelang Ramadan.



D



Pegawai-pegawai dan kakitangan Pasukan Polis Diraja Brunei – melalui jabatan dan unit masing-masing

E



Pegawai-pegawai dan kakitangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei – melalui jabatan masing-masing



JUNJUNG KASIH ATAS KURNIA PERIBADI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan kurnia yang sangat istimewa dan amat dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam sebagai juadah berbuka puasa pada bulan Ramadan.



“

Mudah-mudahan **kurma ini** akan **bermanfaat untuk kami** dan **rakyat Kebawah Duli.**

Awang Haji Mohd Sallehuddin
bin Haji Suhaimi



“

Dengan adanya **kurma peribadi** ini **dapatlah kami berbuka puasa** dengan **buah kurma** nanti di bulan **Ramadan.**

Dayang Hajah Fatimah binti
Haji Ahmad

“

Setiap tahun kami **menantikan pemberian ini** sebagai **tanda keberkatan** dalam bulan **Ramadan.**

Awang Samri bin Haji Jumat



“

Banyak-banyak **terima kasih** atas **kurma peribadi** ini.

Kamal Hussin







Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih
atas kerjasama padu dan khidmat bakti
semua pihak yang terlibat.

Menyantuni 150 Keluarga Yang Memerlukan di Seluruh Negara Melalui Program Ihsan Ramadan

Program Ihsan merupakan program tahunan yang dilaksanakan semasa bulan Ramadan. Pada bulan Ramadan tahun ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyantuni sebanyak 150 buah keluarga yang memerlukan yang terdiri daripada warga emas, ibu tunggal dan keluarga kurang berkemampuan di seluruh negara. Melalui program tersebut Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menghulurkan sumbangan berbentuk kewangan dan makanan asasi serta kuih-muih sebagai persediaan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Selain itu beberapa orang warga emas dan para pesakit juga menerima sumbangan keperluan perubatan. Pelaksanaan program tersebut adalah sejajar dengan matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam mengimbangi pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan.

Penyampaian sumbangan melalui Program Ihsan Ramadan dikendalikan secara serentak ke rumah-rumah penerima di beberapa buah kampung di keempat-empat daerah pada 24 Ramadan 1446 bersamaan 25 Mac 2025.

Sumbangan di Daerah Brunei dan Muara telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; dan Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sumbangan bagi para penerima di Daerah Belait disampaikan oleh Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh, Menteri Pendidikan selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan di Daerah Tutong. Manakala sumbangan di Daerah Temburong pula disampaikan oleh Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, Peguam Negara selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Penolong-penolong Pengarah Urusan dan para pegawai di bahagian Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial juga turut sama menyampaikan sumbangan tersebut ke rumah-rumah para penerima. Pengendalian penghantaran sumbangan ke rumah-rumah para penerima telah dibantu oleh para sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sumbangan menerusi Program Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga dihasratkan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan di bulan Ramadan dan seterusnya dapat menyuntik rasa kegembiraan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri.









Tutong



Tutong



Temburong



Temburong



Temburong



Tutong



Belait

Mengimarahkan Masjid Sepanjang Bulan Ramadan

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah secara berterusan memberikan sokongan kepada masjid, surau dan balai ibadat bagi menjalankan pelbagai kegiatan takmir sesuai dengan peranan masjid, surau dan balai ibadat sebagai pusat bagi pelbagai kegiatan keagamaan ke arah peningkatan dan pengembangan syiar Islam.

Dalam usaha menyokong inisiatif masjid, surau dan balai-ibadat bagi mengimarahkan aktiviti takmir sepanjang bulan Ramadan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah memberikan sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND76,500.00 kepada 71 buah masjid, surau dan balai-ibadat di seluruh negara.

Sumbangan tersebut telah diserahkan kepada imam-imam dan pegawai-pegawai masjid berkenaan di Majlis Penyampaian Sumbangan Kewangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 21 Syaaban 1446 bersamaan 20 Februari 2025 di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.





Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan kepada imam-imam dan pegawai-pegawai masjid bagi Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan kepada imam-imam dan pegawai-pegawai masjid bagi Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong.



Pengagihan Kupon bagi Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan bagi Sesi Persekolahan Tahun 2025



Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT) merupakan inisiatif Kerajaan dalam menyediakan bantuan kepada pelajar-pelajar dari kalangan keluarga yang berpendapatan rendah. Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan yang terdiri daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Pendidikan; Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi mengendalikan BKPT melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN). Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berperanan bagi mengendalikan percetakan buku-buku kupon BKPT dan pengagihan kupon-kupon BKPT kepada para penerima yang telah dikenalpasti melalui SKN.

Bagi tujuan penyelarasan pengagihan kupon BKPT 2025, satu sesi taklimat telah diadakan pada 16 Jamadilakhir 1446 bersamaan 18 Disember 2024 yang dihadiri oleh wakil guru-guru dari enam kluster sekolah di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam (JPI) dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sehingga Mac 2025 seramai 4,624 pelajar telah menerima bantuan BKPT sesi persekolahan 2025. Pengagihan kupon-kupon adalah melalui guru-guru mewakili para pelajar dari sekolah masing-masing. Pengagihan dilaksanakan sebanyak dua fasa iaitu seramai 2,320 pelajar pada fasa pertama dan seramai 2,304 pelajar telah menerima kupon pada fasa kedua.



Sokongan terhadap Program Keilmuan dan Kemasyarakatan

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah secara berterusan memberikan galakan dan sokongan kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti institusi pengajian dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk menjalankan program pembangunan ilmu dan kemasyarakatan bagi kepentingan pembangunan komuniti di negara ini.

Universiti Brunei Darussalam

Pusat Pengajian Perniagaan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam telah menerima sumbangan dana kewangan bagi membiayai sebahagian kos bagi menganjurkan persidangan *The 1st International Conference on Islamic Finance And Sustainability (ICIFS)* yang diadakan selama tiga hari bermula pada 5 Syaaban 1446 bersamaan 4 Februari 2025 di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong. Persidangan yang bertujuan untuk meneroka peranan penting kewangan Islam dalam mempromosikan pembangunan lestari dan menangani cabaran semasa telah menerima penyertaan daripada 11 buah negara. Beberapa penceramah terkemuka dalam bidang kewangan Islam telah menyampaikan sebanyak 16 kertas dalam persidangan tersebut.



Pertubuhan Wargamas

Pendekatan bersepadu untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas merupakan isu tambahan fokus strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selari dengan tiga matlamat Jawatankuasa Khas Warga Emas, iaitu pembangunan warga emas, kebajikan dan kesejahteraan warga emas dan sistem sokongan warga emas.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah memberikan sokongan penuh terhadap pendekatan tersebut dengan memberikan bantuan berupa material 'in-kind' semasa Majlis Pelancaran Program Bersepadu yang berlangsung pada awal tahun 2025.



Warga Kerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Sertai Upacara Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41

Seramai 80 orang warga kerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan semangat patriotik telah ikut serta bersama-sama 11 ribu orang peserta dalam acara perbarisan lalu semasa Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 yang berlangsung pada 24 Syaaban 1446 bersamaan 23 Februari 2025 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berada dalam pasukan Badan Berkanun dan diketuai oleh Yang Mulia Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mendukung penuh tema sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 'Bersatu Mencapai Cita Negara' dan berikrar untuk terus menanai dan menggembeleng usaha bersama-sama dengan pelbagai sektor yang berkepentingan dengan pendekatan senegara (*Whole of Nation*) yang mantap dalam mendukung agenda pembangunan negara bagi memastikan matlamat Wawasan Brunei 2035 tercapai dan menjadikan Negara Brunei Darussalam tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.







برساتو منجا فاي جيتانكا را
Bersatu Mencapai Cita Negara
١٤٤٦ شعبان ٢٤ / 23 Februari 2025

MENYAMBUT

41

TAHUN

Hari Kebangsaan

23 FEBRUARI 2025

Tahniah & Ucapan Selamat

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Rakyat Negara Brunei Darussalam
dalam menyambut Ulang Tahun Ke Empat Puluh Satu Hari Kebangsaan pada 23 Februari 2025



Pengerusi dan Ahli-Ahli Jemaah Tadbir
Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah
dan semua Pegawai dan Kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Sesi Perjumpaan dan Sumbang Saran Persatuan Alumni Sultan's Scholar



Satu sesi perjumpaan antara ahli-ahli Persatuan Alumni Sultan's Scholar dan pihak pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang diwakili oleh Penolong-Penolong Pengarah Urusan telah diadakan pada 22 Syaaban 1446 bersamaan 21 Februari 2025 di Bilik As-Salam, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Sesi tersebut bertujuan bagi membuka ruang perbincangan dan sumbang saran di antara kedua-dua belah pihak bagi membincangkan perancangan program kerjasama bagi membolehkan para Alumni Sultan's Scholar untuk menyumbang kembali kepada masyarakat sesuai dengan kepakaran dan bidang masing-masing melalui projek-projek yang diusahakan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pihak pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan antaranya adalah saranan bagi para Alumni Sultan's Scholar sebagai golongan intelek yang berpendidikan tinggi dan cemerlang supaya dapat memainkan peranan dan bergiat lebih aktif lagi dalam isu-isu peringkat nasional mahupun serantau seperti berkaitan perubahan iklim, masalah alam sekitar dan penggunaan teknologi. Persatuan Alumni Sultan's Scholar seterusnya disarankan mewujudkan urus tadbir persatuan yang baik dan membina jaringan (*networking*) yang lebih kukuh sama ada di dalam mahupun di luar negara sesuai dengan reputasi dan nama persatuan.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengalu-alukan para Alumni Sultan's Scholar untuk menganjurkan sesi seumpamanya dan memberikan laporan perkembangan persatuan dari semasa ke semasa.



Aktiviti Promosi dan Jualan Usahawan Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sentiasa menggalakkan para penerima bantuan modal di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan (SPK) yang dikenali dengan Usahawan Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk menyertai aktiviti jualan sama ada anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mahu pun anjuran agensi lain. Penyertaan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan portfolio perniagaan dan meluaskan rangkaian pasaran produk mereka.

Antara aktiviti jualan yang mereka sertai sepanjang bulan Januari hingga Mac 2025 adalah:



Aktiviti jualan sempena Consumer Fair dan Trade Expo anjuran syarikat Sunlit yang berlangsung pada 15 Januari sehingga 19 Januari 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas



Aktiviti jualan makanan dan minuman semasa Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Tahun 1446H anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diadakan pada 27 Januari 2025 di Dewan Delima, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas





Aktiviti jualan sempena pesta sukan Amateur Boxing Vol 3 anjuran House of Fitness di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 14 Februari sehingga 16 Februari 2025

Aktiviti jualan Gerai Ramadan sepanjang bulan Ramadan yang bermula pada 2 Mac sehingga 30 Mac 2025, di kawasan letak kereta bangunan Lapau, anjuran Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



Aktiviti jualan Bazaar Ramadan sepanjang bulan Ramadan anjuran Syarikat Wadah Sendirian Berhad di Yayasan Food Street, Plaza Tengah Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan pada 2 Mac sehingga 30 Mac 2025



Aktiviti jualan Bazaar Ramadan anjuran Kiddie Whoops di Dewan 1 – Bridex, Jerudong, Brunei Darussalam pada 19 Mac sehingga 27 Mac 2025

Sampul Duit Raya Rekaan Eksklusif Golongan Istimewa

Sampul duit raya merupakan manifestasi tradisi dan budaya yang melambangkan kasih sayang, perpaduan dan keceriaan dalam menyambut hari raya khususnya bagi menambah kegembiraan kepada kanak-kanak.

Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah berkolaborasi bersama Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menghasilkan reka bentuk sampul duit raya yang eksklusif bagi kegunaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sahaja. Kolaborasi ini adalah merupakan sokongan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah terhadap bakat dan kreativiti golongan istimewa yang mempunyai kelainan upaya di samping menyokong kegiatan pusat berkenaan dalam memberikan latihan kepada golongan orang kelainan upaya.

Sebanyak dua reka bentuk sampul duit raya yang unik dan menarik telah dihasilkan oleh dua orang pelajar istimewa dari Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat, iaitu Yang Mulia Awang Muhd Zikri Aliuddin bin Mohd Shahrin Nizam dan Yang Mulia Awang Mohd Nur Adif Alizan bin Mohd Hardi.





Yang Mulia Awang Mohd Nur Adif Alizan bin Mohd Hardi memperlihatkan hasil kreativiti beliau

Hasil kreativiti Yang Mulia Awang Muhd Zikri Aliuddin bin Mohd Shahrin Nizam



Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan cenderamata penghargaan kepada dua orang pelajar Pusat Bahagia.

Bengkel Fardhu Kifayah : Pengurusan Jenazah

Dalam memenuhi tanggungjawab sosial bagi memenuhi keperluan masyarakat, para sukarelawan perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran termasuk ilmu pengurusan jenazah. Seramai 30 orang ahli sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah telah menyertai bengkel fardhu kifayah iaitu pengurusan jenazah. Bengkel dikendalikan dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pusat Penyelidikan Mazhab Al-Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Bengkel diadakan pada 22 Syaaban 1446 bersamaan 21 Februari 2025 di Surau Al-Shafi'i, UNISSA.



Bengkel Bahasa Isyarat

Sukarelawan yang mempunyai pengetahuan dan memahami bahasa isyarat adalah satu kelebihan besar terutamanya dalam situasi berdepan dengan komuniti yang pekak atau kurang pendengaran. Seramai 20 orang ahli Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah telah mengikuti Bengkel Bahasa Isyarat Lanjutan yang dikendalikan oleh Yang Mulia Dr Hajah Norbayah binti Haji Shaminan, Pegawai Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan yang juga ahli Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan (OKP). Bengkel diadakan selama dua hari bermula pada 4 Ramadan 1446 bersamaan 5 Mac 2025 di Dewan Serbaguna, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Bandar Seri Begawan.



Khidmat Masyarakat Membersihkan Masjid

Seramai 20 orang ahli sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyertai aktiviti amal membersihkan Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas. Aktiviti tersebut diadakan pada 5 Ramadan 1446 bersamaan 6 Mac 2025 sempena bulan Ramadan dalam sama-sama meraih ganjaran pahala berlipat ganda. Aktiviti bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menyemai nilai-nilai kerjasama dan tanggungjawab mengenai kepentingan menjaga kebersihan masjid serta mengukuhkan hubungan dengan komuniti setempat melalui sumbangan praktikal kepada masyarakat.



Aktiviti Amal Mengecat Pusat PPSE

Pada 10 Syaaban 1446 bersamaan 9 Februari 2025, seramai 10 orang ahli sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyertai aktiviti mengecat sebanyak 5 buah unit bilik yang akan dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara Evakuasi (PPSE) iaitu di Blok A, Rumah Pangsa, Jabatan Bandaran – Bandar Seri Begawan, Kampung Belimbing Subok. Aktiviti dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



Catatan Lawatan ke Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam

Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) yang terletak di Rumah Semaun dengan seni bina bangunan yang unik dan menarik, sering menjadi destinasi kunjungan para pelawat.

Galeri tersebut mempamerkan karya-karya kaligrafi dan produk hiasan Islam tempatan dan antarabangsa di samping paparan sejarah perkembangan tulisan jawi dan kaligrafi Islam merentas zaman pemerintahan sultan-sultan di Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang tiga bulan pertama tahun 2025, Galeri PPKKI menerima kunjungan pelawat dari dalam dan luar negara termasuk kalangan para pelajar melalui program lawatan sambil belajar, antaranya:



28 Rejab 1446 bersamaan 28 Januari 2025 – Rombongan seramai 14 orang pelajar daripada Kolej International Graduate Studies (Kolej IGS) termasuk tenaga pengajar.



3 Syaaban 1446 bersamaan 4 Mac 2025 – Program lawatan sambil belajar daripada seramai 70 orang mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Usuluddin dan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).



4 Syaaban 1446 bersamaan 5 Mac 2025 – Kunjungan daripada 4 orang pengengaruh 'influencer' daripada Jepun serta para pegawai dari agen pelancongan Darussalam Services Sendirian Berhad.





Antara pengunjung istimewa ialah Yang Berbahagia Puan Sri Datin Noraini binti Mohd, isteri kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat Parlimen Malaysia. Keunikan galeri PPKKI menarik minat Yang Berbahagia Puan Sri Datin Noraini dan memilihnya sebagai salah satu destinasi lawatan semasa beliau mengiringi suami dalam rangka Lawatan Kerja ke Negara Brunei Darussalam. Kunjungan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Noraini binti Mohd pada 23 Rejab 1446 bersamaan 23 Januari 2025 dialu-alukan oleh Yang Mulia Mejar (B) Sopian bin Haji Mohammad Yassin, Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan seterusnya memberikan penerangan sepanjang lawatan berkenaan.

DANA Hargai Sokongan dan Sumbangan Ikhlas Para Dermawan

Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) sangat menghargai sokongan dan sumbangan ikhlas lagi berterusan daripada semua pihak bagi membantu DANA melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dalam mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Persatuan Fu Zhou Shiyyi



Sebanyak 54 penyumbang daripada beberapa buah syarikat perniagaan dan individu dari Persatuan Fuzhou Shiyyi memberikan sumbangan kepada DANA dengan jumlah keseluruhan sebanyak BND40,750.00. Majlis penyerahan sumbangan diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan pada 26 Ramadan 1446 bersamaan 27 Mac 2025.

Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA.



Persatuan Brunei-China One Belt Road



Pada 20 Ramadan 1446 bersamaan 21 Mac 2025, DANA menerima sumbangan keseluruhan berjumlah BND100,500.00 daripada 82 penyumbang yang terdiri daripada syarikat perniagaan dan individu dari Persatuan Brunei-China One Belt Road. Majlis penyampaian sumbangan diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikat Perbadanan TAIB

DANA menerima sumbangan berjumlah BND180,000.00 daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikat Perbadanan TAIB. Daripada jumlah tersebut, sebanyak BND150,000.00 adalah sumbangan daripada Perbadanan TAIB, iaitu sumbangan bagi caruman Pelan Takaful Siswa bagi Anak-anak Yatim untuk semua anak-anak yatim yang berdaftar dengan Sekretariat DANA bagi tahun 2025. Sebanyak BND10,000.00 lagi disumbangkan oleh Insurans Islam TAIB Takaful Keluarga Sdn Bhd dan sebanyak BND10,000.00 disumbangkan oleh Insurans Islam TAIB Takaful Am Sdn Bhd iaitu sumbangan tahunan daripada syarikat berkenaan. Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad pula menyumbangkan sebanyak BND10,000.00 yang juga merupakan sumbangan tahunan syarikat berkenaan. Kesemua sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB kepada Yang Mulia Dr Nor Imtihan binti Abdul Razak, Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA semasa Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan anjuran Perbadanan TAIB pada 26 Ramadan 1465 bersamaan 27 Mac 2025 di Masjid As-Salam, Kampung Junjongan.





Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam

Pada 27 Ramadhan 1446 bersamaan 28 Mac 2025, DANA menerima sumbangan berjumlah BND20,000.00 daripada Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam di Majlis Penyampaian Sumbangan DANA di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Jerambak.

Sumbangan tersebut diterima oleh Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.



Sekolah Menengah Sayyidina Husain

Sekolah Menengah Sayyidina Husain memberikan sumbangan berjumlah BND678.54 yang merupakan hasil kutipan 'Walkathon' bertaja sempena ulang tahun penubuhan Sekolah Menengah Sayyidina Husain Ke-30 Tahun. Sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Awang Zulidi bin Haji Mahali, Timbalan Pengetua Pentadbiran, Sekolah Menengah Sayyidina Husain kepada Yang Mulia Mejar (B) Sopian bin Haji Mohammad Yassin, Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA di majlis penyampaian pada 11 Ramadhan 1446 bersamaan 12 Mac 2025 di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Syarikat Samima Sdn Bhd

Syarikat Samima Sdn Bhd memberikan sumbangan berjumlah BND5,000.00 yang disampaikan oleh Yang Mulia Haji Hidayathullah bin Haji Tajudeen, Pengarah Urusan Samima Sdn Bhd dan Yang Mulia Mohamed Rafi bin Haji Tajudeen, Pengurus Samima Sdn Bhd. Sumbangan diterima oleh Yang Mulia Mejar (B) Sopian bin Haji Mohammad Yassin, Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA pada 26 Ramadan 1446 bersamaan 27 Mac 2025, di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sendirian Berhad dan anak-anak syarikatnya

Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sendirian Berhad dan anak-anak syarikatnya menyumbangkan sebanyak BND1,105.00 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Takaful Brunei kepada Yang Mulia Mejar (B) Awang Sopian bin Haji Mohammad Yassin, Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA. Sumbangan disampaikan semasa Majlis Khatam Al-Quran anjuran syarikat berkenaan yang diadakan pada 24 Ramadan 1446 bersamaan 25 Mac 2025 di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Sumbangan Pihak Individu

Pada 27 Ramadhan 1446 bersamaan 28 Mac 2025, DANA telah menerima sumbangan daripada beberapa orang pihak individu iaitu sebanyak BND500.00 daripada Yang Mulia Awang Arju Hossain dan BND1,000.00 daripada Yang Mulia Awang Kamal Hossain. Sebanyak BND1,000.00 Wakil daripada Syarikat MS Abdul Rahman Sendirian Berhad juga memberikan sumbangan sebanyak BND1,000.00. Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Yang Mulia Mejar (B) Awang Sopian bin Haji Mohammad Yassin, Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA bertempat di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Perdana Menteri.



Ilmu Keagamaan Memupuk Generasi Muda

Anak adalah merupakan anugerah Allah Subhanahu wa Ta'ala dan tanggungjawab yang berat yang diamanahkan atas bahu ibu bapa. Pentarbiahan anak-anak dengan didikan yang baik wajib ditunaikan oleh ibu bapa atau sesiapa yang mengambil tugas mereka dari umur yang masih muda supaya terus bersih, suci, bercahaya dan ikhlas.

Pada 9 Syaaban 1446 bersamaan 8 Februari 2025, Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA) mengambil langkah progresif dengan memperkenalkan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj 1446H.

Aktiviti ini bukan hanya bertujuan untuk memperkenalkan salah satu peristiwa sambutan hari kebesaran Islam di kalangan murid-murid TASKA tetapi juga menanam rasa sayang dalam diri setiap murid-murid TASKA mengenai junjungan kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam sebagai teladan ummah yang terbaik.

Sebagai langkah penting dalam memupuk pendidikan keagamaan, majlis tersebut turut dimeriahkan dengan aktiviti tunjuk ajar dalam pergerakan praktik sembahyang yang betul selaras dengan tema majlis iaitu 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' yang dibimbing oleh Yang Mulia Ustazah Dayang Noryasimah binti Mohd Yassin.



Pertandingan Catur Sempena Hari Kebangsaan



Catur bukan sekadar permainan – ia mendidik kesabaran, strategi dan ketahanan diri, iaitu sifat-sifat penting bukan sahaja dalam pertandingan tetapi juga dalam kehidupan seharian, ujar Pengetua Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Mulia Cikgu Hajah Hafizah binti Haji Salat.

Seramai 24 orang pelajar dari Sekolah Rendah Yayasan dan Seri Mulia Sarjana International School (SMSIS) telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Catur Persahabatan yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Yayasan pada 27 Syaaban 1446 bersamaan 26 Februari 2025, sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41.

Turut hadir ialah Pengetua SMSIS Yang Mulia Dayang Chong Wee Meng dan Timbalan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Yayasan, Yang Mulia Pengiran Hira bin Pengiran Haji Md Omar.



Program Kongsi Rezeki 2025

Program Kongsi Rezeki merupakan aktiviti pendekatan masyarakat yang memberikan pendedahan kepada para pelajar dalam melakukan perkara-perkara yang berkebajikan seperti bersedekah serta melahirkan rasa bertanggungjawab dan empati dalam kalangan pelajar-pelajar di samping memberi kesedaran adanya golongan yang memerlukan bantuan. Program ini bertujuan untuk membantu meringankan bebanan hidup keluarga yang kurang berkemampuan dalam menyediakan keperluan di bulan Ramadan dan sebagai persediaan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Pada 7 Ramadan 1446 bersamaan 8 Mac 2025, kolaborasi di antara ketiga-tiga buah Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIGB) telah mengadakan Program Kongsi Rezeki Sekolah Yayasan kali ke-13 yang diagihkan kepada 40 buah keluarga dan 16 orang anak yatim. Sumbangan berbentuk kewangan dan barang-barang keperluan asasi adalah merupakan hasil sumbangan para pelajar, guru-guru dan para ibu bapa.

Semasa Majlis perasmian, Yang Mulia Awang Haji Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku tetamu kehormat Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memainkan peranan dalam menjayakan projek ini.



“ *Dedikasi dan keikhlasan yang ditunjukkan oleh Jawatankuasa Penganjur ketiga-tiga buah sekolah dan PIBG menjadi penggerak di sebalik inisiatif usaha dan kerja berpasukan yang tidak berbelah bahagi telah menghidupkan projek ini sekali lagi.*

Kepada para penerima sumbangan, ketahuilah bahawa anda memberi inspirasi kepada kami.


Harapan kami adalah agar bantuan sederhana ini akan dapat meringankan bebanan dan berkongsi kebahagiaan bersama keluarga di bulan yang mulia ini serta akan dapat membawa kegembiraan dalam menyambut ketibaan 'Aidilfitri.

”





PPKKI-YSHHB PENYEWAAN TEMPAT



BILIK MUZAKARAH

\$120.00
/ SEHARI

Kemudahan


- Kapasiti: 23 orang
- PA System
- Projektor
- Akses Internet
- Surau Lelaki & Perempuan
- Monitors
- Mikrofon
- Pendingin Hava
- Carpeted Floor
- Tandas Awam

📷 ppkki.yshhb

🌐 ppkki.yshhb.org.bn

☎ 2234014 / 2234029 / 7121510

📍 RUMAH SEMAUN, JALAN JERAMBAK



GAZEBO & FOUNTAIN AREA

\$120.00
/ SEHARI

Kemudahan

- Meja
- Kipas
- Lampu
- Surau Lelaki & Perempuan
- Tandas Awam

📷 [ppkki.yshhb](https://www.instagram.com/ppkki.yshhb)

🌐 ppkki.yshhb.org.bn

☎ 2234014 / 2234029 / 7121510

📍 RUMAH SEMAUN, JALAN JERAMBAK



GELANGGANG SUKAN SEMAUN

\$10.00
/ JAM

Kemudahan

- Net & Hoop Pole
- Tiang Gol
- Spotlight
- Tandas Awam
- Surau Lelaki & Perempuan

Sesuai untuk:

- Netball / Basketball
- Futsal
- Tennis
- Pickleball

📷 ppkki.yshhb

🌐 ppkki.yshhb.org.bn

☎ 2234014 / 2234029 / 7121510

📍 RUMAH SEMAUN, JALAN JERAMBAK

VISI

Masyarakat Mandiri

MISI

Menguruskan Amal Jariah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan ahli-ahli keluarga Baginda secara profesional, berwawasan dan berdaya usaha untuk mencapai kesempurnaan kehidupan.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BA 1511
Negara Brunei Darussalam

yshhb.org.bn

 2234 085 / 87 / 88

 yshhb_official

 Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Tingkat 3, Blok B
Jalan Pretty, Bandar Seri Begawan
BS8711, Negara Brunei Darussalam

 2232 731 - 737

 www.yayasancomplex.com

 theyayasancomplex

Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Simpang 336-71
Jalan Kebangsaan, Sungai Akar
BC4115, Negara Brunei Darussalam

 2382 100 - 101

 www.syshhb.edu.bn

 syshhb.ig

Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Rumah Semaun, Jalan Jerambak
BA1511, Negara Brunei Darussalam

 2234 014 / 029

 www.ppkkiyshhb.org.bn

 ppkkiyshhb